

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ KUANTAN ]**

**TARIKH : 02.04.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 28**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha bagi mempertingkatkan prestasi dan kecekapan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), terutamanya dalam isu pewartaan tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia di samping menjaga kepentingan komuniti tersebut secara menyeluruh.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara cekap dan berkesan dengan pendekatan utamanya menangani keperluan masyarakat Orang Asli melalui pelaksanaan program secara bersepadu. Keberkesanan pelaksanaan program dan prestasi penyampaian diukur dan dipantau sepanjang masa, melalui enam (6) Petunjuk Pretasi Utama (*KPI*) yang telah ditetapkan merangkumi aspek Pengurusan Tanah, Peningkatan Pendapatan, Kemudahan Perumahan, Bekalan Air Bersih, Peningkatan Pendidikan dan Peningkatan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).

Berhubung dengan pewartaan tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, secara umumnya tidak ada undang-undang bertulis dan berkuatkuasa yang mengiktiraf mana-mana tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Tanggungjawab Kementerian ini menerusi JAKOA adalah lebih tertumpu kepada usaha-

usaha mempermudahkan segala urusan berkaitan permohonan tanah kepada Kerajaan Negeri yang berkaitan, khususnya permohonan pewartaan tanah bagi kawasan penempatan Orang Asli, sebagaimana yang terkandung dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah mengukur persempadan penempatan Orang Asli bagi tanah-tanah warta untuk penyediaan Pelan Akui (PA) dan juga mengukur sempadan bagi tanah-tanah yang diduduki untuk dipanjangkan permohonan kelulusan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Usaha-usaha yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk melindungi hak ke atas tanah Orang Asli melalui pewartaan tanah, pembangunan ekonomi menerusi projek pembangunan tanah berkelompok di samping melindungi tanah-tanah Orang Asli daripada isu-isu yang tidak diingini seperti pencerobohan tanah dan sebagainya.

Berdasarkan rekod JAKOA sehingga 31 Disember 2012, jumlah keseluruhan tanah Orang Asli yang telah diwartakan di bawah seksyen 6 dan seksyen 7 Akta 134 adalah seluas 23,903.84 hektar. Manakala 3,898.31 hektar lagi diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah

Negara (KTN) dan sejumlah 1,489.70 hektar adalah merupakan hak milik individu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian kini sedang dalam peringkat mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan bagi menyelesaikan isu-isu semasa berhubung dengan tanah termasuk isu tanah adat masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.